

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6895**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapa ramai orang yang telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 sejak 2013 dan nyatakan hasil siasatan tersebut; dan
- (b) mengapakah Akta Hasutan 1948 masih digunakan selepas Perdana Menteri mengumumkan pemansuhan Akta tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Lanang, sejak 2013 sehingga hari ini sebanyak empat puluh lapan (48) kes telah di siasat di bawah Akta Hasutan 1948. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga puluh sembilan (39) kes masih di dalam siasatan pihak polis, tiga (3) kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, empat (4) kes memerlukan siasatan lanjut baki dua (2) kes telah di *No Further Action (NFA)*.**

**Tuan Yang Dipertua**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, ingin saya nyatakan bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat Lanang adalah tidak tepat kerana Kerajaan telah mengumumkan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan digantikan dengan suatu rang undang-undang yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Ini adalah bagi menyahut seruan YAB Perdana Menteri dan selari dengan agenda Program Tranformasi Politik (PTP) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan.**

**Walau bagaimanapun, ianya masih di peringkat kajian yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan termasuk Jabatan Peguam Negara bagi memastikan penggubalan undang-undang baru ini adalah sempurna. Dalam pada itu, Akta Hasutan 1948 yang sedia ada masih lagi relevan dan masih diguna pakai buat masa sekarang untuk mengekang mana-mana pihak yang terbukti cuba mencetuskan ketegangan serta perbalahan di**

**antara kaum dan agama yang tidak mengambil kira sensitiviti rakyat yang berbilang bangsa di negara ini.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN GOOI HSIAO-LEUNG (ALOR SETAR)**  
**TARIKH** : **17 JUN 2014 (SELASA)**  
**SOALAN** : **TUAN GOOI HSIAO-LEUNG** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membuat pembaharuan kepada struktur subsidi semasa dalam sektor pertanian dan beras, dan sekiranya ya, apakah butir-butir rancangan berkenaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.201 billion dalam peruntukan tahunan bagi tujuan pemberian subsidi dan insentif kepada petani di bawah subsektor padi dan beras dalam tahun 2014. Subsidi dan insentif tersebut meliputi Skim Insentif Benih Padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Subsidi Harga Padi (SSHP), Insentif Peningkatan Hasil (IPH), dan Subsidi Harga Beras (ST15%). Buat masa ini, Kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan tahun 2015 bagi tujuan pembekalan baja dan racun padi bukit/huma di Sabah dan Sarawak.